

Proses dadah sintetik secara DIY di makmal mini berisiko berlaku keracunan gas, letupan

Beli bahan di kedai, belajar di internet

Oleh EDDY HAMIDI

PETALING JAYA – Sesiapa sahaja boleh menghasilkan dadah sintetik khususnya syabu dengan hanya berkunjung ke farmasi dan kedai perkakasan bagi mendapatkan bahan mentah untuk memproses dadah tersebut.

Cara penghasilan dadah itu pula dipelajari di internet dengan menyaksikan pelbagai video ringkas dan mengikuti langkah-langkah mudah yang disediakan.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, pada hematnya, boleh dikatakan hampir kesemua bahan yang diperlukan dalam penghasilan dadah adalah mudah untuk diperolehi.

"Sebagai contoh, bahan aktif syabu terdapat dalam ubat bagi membantu memberi kelegaan kepada hidung tersumbat atau selesema yang boleh didapati di farmasi.

"Selain itu, bahan-bahan lain pula seperti pelarut atau pencair boleh diperolehi di kedai perkakasan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Bagaimanapun, bahan-bahan tersebut tidak dapat didedahkan secara terperinci atas dasar kerahsiaan serta tanggungjawab.

Taufiq yang juga Fellow The Royal Society of Chemistry, United Kingdom mendakwa, proses penghasilan dadah tidaklah ter-



TAUFIQ

lalu sukar kerana boleh dipelajari di internet sahaja.

"Kemajuan teknologi maklumat memudahkan semua perkara termasuk akses kepada cara-cara memproses bahan-bahan mentah yang dibeli di farmasi dan kedai perkakasan untuk dijadikan dadah seperti syabu dan lain-lain," ujarnya.

Beliau memberitahu, tindakan mengadun kesemua bahan mentah berkenaan akan menghasilkan gas berbau seperti urin dan mengandungi amonia yang berbahaya sekiranya terhidu.

Menyokong dakwaan itu ialah seorang profesor di Jabatan Kimia, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Mansor Ahmad yang turut menyuarakan kebimbangan tentang kewujudan makmal-makmal pemprosesan dadah dengan konsep buat sendiri (DIY).




MANSOR

Kes serbuan makmal dadah

- **22 September 2020** - Polis menahan tiga lelaki selepas menyerbu makmal mini memproses heroin di sebuah kondominium di Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- **19 Ogos 2020** - Seorang lelaki tempatan berusia 57 tahun ditahan dan membongkar kegiatan pemprosesan dadah di sebuah rumah di Sri Menanti, Muar, Johor
- **21 Mei 2019** - Seorang lelaki berusia 29 tahun yang ditahan polis di sebuah rumah di Butterworth, Pulau Pinang mengaku mempelajari langkah-langkah memproses dadah di internet

"Keadaan akan menjadi lebih buruk apabila 'ahli kimia' tidak bertauliah yang ditugaskan untuk 'memasak' dadah bukanlah



SYABU antara dadah jenis sintetik. – GAMBAR HIASAN

pakar, sebaliknya hanya mereka yang menuntut ilmu dengan menonton video tutorial di internet," ujarnya.

Mansor berkata, proses menghasilkan dadah juga boleh mendatangkan bahaya.

"Makmal-makmal dadah DIY ini hanya dijalankan di rumah sewa, stor dan bangsal yang mengundang risiko keracunan gas, malah lebih teruk berlaku kebakaran serta letupan," ujarnya.

Tinjauan *Kosmo!* di beberapa farmasi di sekitar Lembah Klang mendapati, ubat yang mengandungi bahan aktif syabu bebas dibeli oleh sesiapa, namun penjualannya adalah terhad ke-

pada dua papan bagi setiap pelanggan.

Cubaan *Kosmo!* untuk memborong ubat tersebut tidak berjaya apabila dimaklumkan seorang pelanggan hanya boleh membeli maksimum dua papan dengan harga RM17 hingga RM21 sepapan mengikut jenama.

Individu yang ingin membeli produk farmaseutikal itu juga dikehendaki memberi maklumat lengkap mengenai diri sebelum pembelian dibenarkan.

Bagaimanapun, dikhuatiri sindiket dadah yang licik akan menggunakan pelbagai taktik untuk mendapatkan bahan tersebut dalam kuantiti yang banyak.